

BAB II

BAB II

PENGURUSAN ANAK YATIM DI DALAM AL-QURAN

Pendahuluan

Islam telah menetapkan satu garis panduan yang jelas dalam menguruskan anak yatim. Pengurusan anak yatim yang terdapat di dalam al-Quran adalah meliputi aspek kebajikan terhadap diri dan masa depan anak yatim yang berada di bawah jagaan para wali mereka.

Hasil daripada penelitian penulis, terdapat beberapa isu penting berkaitan dengan anak-anak yatim yang telah dinyatakan di dalam al-Quran iaitu perkara yang berkaitan dengan harta anak-anak yatim, perkara yang berkaitan dengan mengahwini anak-anak yatim perempuan dengan tujuan untuk menguasai hartanya, perkara yang berkaitan dengan berbuat ihsan terhadap anak-anak yatim dan arahan Allah s.w.t. supaya memuliakan anak-anak yatim.

2.1 Ayat-ayat Yang Berkaitan Dengan Harta Anak Yatim

2.1.1 Arahan Menyerahkan Harta Anak Yatim Apabila Tiba Masanya

Para wali adalah bertanggungjawab untuk menguruskan harta anak yatim dengan baik. Apabila mereka telah baligh dan memiliki *rasyd*, harta tersebut perlu diserahkan kembali kepada mereka. Arahan ini terkandung dalam firman Allah s.w.t.:

وَأَنذَرُوا الَّذِينَ تَبَذَّلُوا الْأَخْيَارَ بِالطِّيبِ وَلَا تَأْكُلُوا
أَمْوَالَهُمْ إِلَى أَمْوَالِكُمْ إِنَّهُ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا ﴿٢﴾

Maksudnya : Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu akan harta mereka, dan janganlah kamu tukar gantikan yang baik dengan yang buruk, dan janganlah kamu makan harta mereka (dengan menghimpunkannya) kepada harta kamu, kerana sesungguhnya (yang demikian) itu adalah dosa yang besar.

Surah al-Nisā' (4) : 2

***Sabab al-Nuzūl* ayat 2**

Muqātil dan al-Kalbi berkata : “Ayat ini diturunkan kepada seorang lelaki berketurunan Ghaṭafān yang mempunyai harta yang banyak milik anak saudaranya yang yatim. Setelah anak yatim itu dewasa dan menuntut hartanya, bapa saudaranya enggan memberikan kepadanya. Lalu anak saudaranya itu mengadu kepada Rasulullah s.a.w. Maka turunlah ayat di atas. Setelah bapa saudaranya mendengar perintah tersebut maka beliaupun menyerahkan kembali harta itu sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.”¹²³

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menekankan masalah hak anak yatim dengan memerintahkan agar harta mereka dijaga dan dipelihara serta melarang penyalahgunaan harta itu kerana anak yatim memerlukan pemeliharaan dan

¹²³ Imām Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Aḥmad al-Wāḥidī al-Naysābūrī (1988) (selepas ini al-Wāḥidī), *Asbāb al-Nuzūl*, Beirut : Dār Ibn Kathīr, h. 121

perlindungan. Anak kecil yang yatim adalah anak yang lemah dan menzalimi yang lemah adalah satu dosa besar.¹²⁴

Selain itu, Allah s.w.t. juga mengingatkan tentang penyerahan harta anak yatim serta hak-hak penjagaannya. Allah s.w.t. melarang para wali daripada mengambil harta anak yatim dengan cara yang batil seperti mencampurkan harta milik sendiri dengan harta anak yatim sehingga tidak dapat dibezakan di antara harta yang halal dengan yang haram ketika membelanjakannya.¹²⁵

Penyerahan Kembali Harta Anak Yatim

Maksud memberikan harta anak yatim (*al-Ītā'*) dilihat daripada dua aspek iaitu memberikan makanan dan pakaian kepada anak yatim yang berada di bawah jagaan para wali dan menyerahkan harta anak yatim setelah mereka mencapai usia baligh. Penyerahan itu boleh dilakukan setelah mereka diuji terlebih dahulu.¹²⁶

Ayat ini juga bukan membawa maksud penyerahan harta secara zahir kerana Islam melarang para wali daripada menyerahkan kembali harta anak yatim sebelum mereka baligh. *al-Ītā'* di sini bermaksud *majāz* iaitu sebagai saranan kepada para wali agar menjaga harta anak yatim dengan baik.¹²⁷

¹²⁴ al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, j. 5, h. 8

¹²⁵ al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 4, h. 229, Lihat juga Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, j.3, h. 180, Lihat juga Zulkifli Haji Mohd. Yusoff (1997), *Tafsir Ayat-ayat Ahkām*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., h.88

¹²⁶ al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, h.8-9

¹²⁷ al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 229

Seterusnya Allah s.w.t. melarang para wali daripada menukarkan benda yang buruk dengan benda yang baik. Umpamanya menukarkan kambing yang gemuk yang diperolehi daripada harta anak yatim dengan yang lebih rendah nilainya. Keadaan ini benar-benar berlaku kepada masyarakat Jahiliah ekoran daripada tiada din di mana mereka tidak merasa bersalah dengan menggunakan harta anak yatim. Mereka juga mengambil yang baik dan elok daripada harta anak yatim dan menggantikannya dengan yang buruk daripada harta mereka. Oleh sebab itu Allah s.w.t. melarang mereka daripada berbuat demikian.¹²⁸

Allah s.w.t. juga melarang para wali daripada mencampur adukkan harta anak yatim dengan harta mereka ketika berbelanja. Ayat ini kemudiannya telah *dinasahkan* oleh ayat 220 Surah al-Baqarah.¹²⁹

Ayat 2 Surah al-Nisa' ini juga membawa maksud bahawa memakan harta anak yatim merupakan satu dosa besar. Ini berlaku di mana para wali mencampur adukkan harta mereka dengan harta anak yatim kemudian memakannya. Perbuatan mereka ini merupakan satu dosa besar dan mesti dijauhi.¹³⁰

Daripada huraian di atas dapatlah dirumuskan bahawa Allah s.w.t. memerintahkan para wali agar berhati-hati dalam menguruskan harta anak yatim dan menyarankan agar harta tersebut diserahkan kembali kepada mereka apabila tiba masanya. Arahan ini juga adalah untuk memastikan agar hak anak yatim tidak

¹²⁸ *Ibid*

¹²⁹ *Ibid*

¹³⁰ Ibn Kathir (1971), *op. cit.*, h. 180-181

diabaikan dan kepatuhan para wali terhadap arahan ini adalah berkait rapat dengan keimanannya kepada Allah s.w.t. Ini adalah kerana tanpa iman yang mendalam kepada Allah s.w.t. seseorang itu tidak akan merasa bersalah dengan memakan harta anak yatim yang diamanahkan kepada mereka.

2.1.2 Arahan Supaya Menguji Anak Yatim Sebelum Penyerahan Harta

Arahan ini terdapat dalam firman Allah s.w.t. :

وَأَبْتَلُوا الَّذِينَ مَنِ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ آنَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوا
إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَنْ يَكْبَرُوا وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا
فَلْيَسْتَغْفِرْ ۖ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ
أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهَدُوا عَلَيْهِمْ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حَسِيبًا ①

Maksudnya : Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa. Dan sesiapa di (antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka. Dan cukuplah Allah sebagai pengawas (akan segala yang kamu lakukan).

Surah al-Nisā' (4) : 6

***Munāsabah* antara ayat 5-6 dengan ayat sebelumnya**

Ayat 5-6 mempunyai pertalian yang amat erat dengan ayat sebelumnya iaitu ayat 2-4. Kedua-dua kelompok ayat tersebut menyentuh tentang perkara yang sama iaitu anak yatim. Secara keseluruhannya ia menyentuh mengenai penjagaan harta, kebajikan dan masa depan mereka.

Jika di dalam ayat 2-4, Allah s.w.t. menggesa para wali agar menyerahkan balik harta anak yatim maka dalam ayat 5-6 Allah s.w.t. melarang para wali menyerahkannya kembali selagi belum terbukti kemampuan mereka menguruskannya dengan baik.

Untuk memastikan mereka benar-benar berkemampuan, maka para wali hendaklah menguji mereka. Setelah ternyata kebolehan mereka menguruskan harta, maka para wali perlu menyerahkannya kembali kepada mereka. Sehubungan dengan itu ayat 2-4 memberi ingatan bahawa sekiranya anak yatim itu telah berupaya mengurus sendiri hartanya itu, maka para wali dilarang daripada mencari-cari jalan atau memasang niat yang tidak jujur untuk terus menguasai harta anak yatim tersebut.¹³¹

Antara cara yang selalu dibuat ialah dengan mengahwini anak yatim perempuan. Jika niat para wali mengahwini mereka untuk menguasai diri dan hartanya maka lebih baik bagi para wali untuk mengahwini wanita lain sama ada dua, atau tiga atau empat orang. Namunpun begitu ayat ini memberi ingatan

¹³¹ Zulkifli Haji Mohd. Yusof (1997), *op.cit.*, h. 96-97

bahawa walau dengan siapapun seseorang itu berkahwin, mas kahwin mesti dibayar kecuali jika isteri memberi izin maka mas kahwin boleh digunakan untuk tujuan yang tertentu.¹³²

Sabab al-Nuzūl Ayat 6

Ayat ini diturunkan kepada Thābit bin Rifā'ah dan bapa saudaranya. Ketika Rifā'ah meninggal dunia, dia meninggalkan seorang anak lelaki yang masih kecil bernama Thābit. Selepas itu bapa saudara Thābit menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata : “Sesungguhnya anak saudaraku sekarang menjadi yatim dan dia berada di bawah jagaanku. Aku ingin tahu apakah yang halal bagiku dari hartanya itu? Dan bilakah pula boleh aku kembalikan kepadanya?” Lalu Allah s.w.t. pun menurunkan ayat di atas.¹³³

Huraian Ayat 5

Sebelum penulis menghuraikan ayat keenam, terlebih dahulu penulis akan menghuraikan ayat yang kelima kerana terdapat perkaitan antara kedua-dua ayat tersebut untuk memahami maksud yang terkandung di dalamnya.

Dalam mentafsirkan ayat kelima, para ulama telah berselisih pendapat tentang maksud *al-Sufahā'*. Menurut al-Zuhri dan Ibn Zayd *al-Sufahā'* adalah anak-anak yang belum mencapai usia dewasa atau belum baligh. Manakala

¹³² *Ibid*

¹³³ al-Wāḥidī (1988), *op. cit.*, h. 122

menurut Mujahid dan al- Daḥḥāk, *al-Sufahā'* bermaksud wanita-wanita yang boros sama ada mereka itu seorang ibu, isteri atau anak perempuan.¹³⁴ Qatādah, al-Ḥasan dan Ibn 'Abbās mendefinisikannya sebagai wanita dan anak kecil.¹³⁵

Sa'īd bin Jubāyr berpendapat bahawa maksud *al-Sufahā'* ialah anak yatim manakala Mujāhid, 'Ikrimah dan Qatādah pula mengatakan bahawa *al-Sufahā'* ialah wanita.¹³⁶

Kesimpulannya maksud *al-Sufahā'* ialah golongan yang tidak mempunyai cukup kecerdasan akal yang dapat memenuhi syarat untuk menguruskan harta.

Namun demikian, haruskan penguasaan dilakukan terhadap golongan yang belum sempurna akalnya ini?

Para ahli Fiqh telah menggunakan ayat (ولا توتوا السفهاء أموالكم) dalam hujah mereka untuk menunjukkan adanya keharusan melakukan penguasaan kepada golongan tersebut kerana berdasarkan ayat tadi. Allah s.w.t. telah melarang para wali menyerahkan harta kepada orang yang belum sempurna akalnya serta tidak arif dalam pengurusan harta.

¹³⁴ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, h. 186

¹³⁵ al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 248

¹³⁶ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, h. 186

Bentuk-bentuk Penguasaan

Penguasaan ini boleh dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu :

- i) Penguasaan terhadap kanak-kanak yang masih di bawah umur kerana mereka belum mencapai tahap kematangan dan dangkal pemikiran.
- ii) Penguasaan terhadap orang gila kerana mereka tidak mempunyai akal yang waras.
- iii) Penguasaan terhadap orang yang kurang kefahaman agama dan membelanjakan hartanya pada jalan maksiat.
- iv) Penguasaan terhadap golongan muflis kerana ketidakmampuan mereka melunasi segala hutang piutang mereka.¹³⁷

Berdasarkan pernyataan di atas, timbul pula persoalan sama ada penguasaan ini dikenakan juga kepada golongan dewasa atau tidak?

Dalam hal ini, jumhur ulama berpendapat bahawa penguasaan terhadap golongan dewasa hanya boleh dilakukan sekiranya didapati mereka tidak sempurna akalnya.¹³⁸

Para ulama berselisih pendapat mengenai penguasaan terhadap orang dewasa. Imam Mālik dan jumhur ulama mengatakan bahawa penguasaan boleh dikenakan terhadap golongan dewasa. Imam Abū Ḥanīfah mengatakan: “Penguasaan tidak akan dilakukan terhadap orang yang telah cerdik berfikir

¹³⁷ *Ibid*

¹³⁸ al-Zuhayli (1991), *op.cit.*, h. 252

kecuali apabila ia melakukan kesalahan dalam menguruskan hartanya. Apabila terjadi demikian, maka tidak dibenarkan penyerahan harta kepadanya, sehingga dia mencapai usia 25 tahun. Apabila dia telah mencapai usia itu, maka serahkanlah hartanya dengan segera sekalipun dia masih melakukan kesalahan tersebut kerana orang yang berusia 25 tahun telah menjadi seorang yang bersungguh-sungguh. Sedang aku merasa malu untuk mengenakan penguasaan terhadap orang yang patut menjadi orang yang bersungguh-sungguh.¹³⁹

Huraian ayat 6

Firman Allah s.w.t. :

وَأَبْتَلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ

Maksudnya: Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa).

Surah al-Nisā' (4) : 6

Dalam ayat yang keenam ini, Allah s.w.t. menerangkan syarat dan sifat yang wajib ada pada anak yatim sebelum diserahkan kembali harta kepada mereka. Selain itu, Allah s.w.t. memperincikan lagi cara untuk menyerahkan kembali harta anak yatim, cara penyerahan dan kehadiran saksi sewaktu penyerahan tersebut.

¹³⁹ *Ibid*

Selepas Allah s.w.t. memerintahkan para wali supaya menyerahkan balik harta anak yatim, Allah s.w.t. menerangkan pula masa penyerahan dan muqaddimahnyanya iaitu *al-ikhtibār* (ujian). Dalam ayat ini Allah s.w.t. memerintahkan para wali supaya menguji anak yatim sebelum diserahkan kembali harta kepada mereka apabila mereka telah mencapai usia baligh yang merupakan penentuan bagi *taklīf* ke atas seseorang dan wajib beriltizam dengan hukum syarak. Penentuan baligh dapat diketahui dengan beberapa cara iaitu bermimpi, kedatangan haid dan *al-Ḥabl* bagi wanita¹⁴⁰, genap 15 tahun dan tumbuh rerambut pada anggota sulit (*al-Inbāt*).¹⁴¹

Para ulama telah sepakat menyatakan bahawa kedatangan haid dan *al-Ḥabl* itu adalah tanda baligh yang mewajibkan perlaksanaan segala hukum dan fardu, dan mereka berselisih pendapat pada tiga perkara iaitu bermimpi, genap 15 tahun (*al-Sin*) dan tumbuh rerambut pada anggota sulit (*al-Inbāt*).¹⁴²

Dalam memperkatakan mengenai *al-sin* dan *al-inbāt* Imam Auzā'ī, Syafī'ī dan Ibn Ḥanbal mengatakan bahawa apabila seseorang itu genap 15 tahun maka ia dikira baligh bagi mereka yang belum bermimpi. Ini adalah berdasarkan kepada dalil bahawa Rasulullah s.a.w. membenarkan Ibn 'Umar untuk berjihad dalam peperangan Khandak semasa umurnya 15 tahun manakala dalam peperangan

¹⁴⁰ *al-Ḥabl* bermaksud mengandung

¹⁴¹ al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, h. 36

¹⁴² *Ibid*

Uhud baginda tidak membenarkannya menyertai tentera muslimin kerana umurnya ketika itu ialah 14 tahun.¹⁴³

Berdasarkan kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa batas antara usia kanak-kanak dengan dewasa ialah 15 tahun.

Imam Ahmad pula mengatakan bahawa *al-Inbāt* dikira sebagai tanda baligh. Ini adalah berdasarkan kepada sebuah riwayat:¹⁴⁴

عَنْ عَطِيَّةَ الْقُرْظِيِّ قَالَ عَرَضْنَا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ قُرَيْظَةَ
فَكَانَ مَنْ أَنْبَتَ قِتْلَ وَمَنْ لَمْ يَنْبِتْ خَلَى سَبِيلَهُ فَكَتَتْ رِمَنَ لَمْ يَنْبِتْ

Maksudnya: Dari 'Aṭīyyah al-Qurazīyy: Kami telah bertanyakan Rasulullah s.a.w. pada hari peperangan Bani Qurayzah lalu baginda mengatakan bahawa sesiapa yang telah memiliki al-Inbāt maka dia dibenarkan berperang dan yang belum maka tidak boleh menyertai peperangan maka aku adalah termasuk dari kalangan orang yang belum inbāt.

Imam Abū Ḥanīfah pula berpendapat bahawa *al-Inbāt* bukan dalil seseorang itu baligh.¹⁴⁵

Abū 'Umar Ibn 'Abd al-Bir pula mengatakan bahawa hukum genap 15 tahun sebagai baligh adalah bagi mereka yang diketahui tarikh lahirnya. Manakala

¹⁴³ Maksud hadis Al-Bukhārī (1992), *op. cit.*, Kitāb al-Syāhādāt, Bāb Bulūgh al-Šibyān wa Syāhādātihim, no. hadith 2470 (Matan Hadis telah dinyatakan dalam Bab I halaman 44)

¹⁴⁴ Abu 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah al-Salmī al-Tirmidhī, (1975), *al-Jāmi' al-Šāhih (Sunan al-Tirmidhī)*, Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabī.

¹⁴⁵ al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, h. 36

bagi mereka yang tidak diketahui tarikh lahirnya maka baligh bagi mereka adalah dikira kepada sesiapa yang telah berkhatan. Ini adalah berdasarkan kepada dalil yang diriwayatkan daripada Nāfi' b. Aslam daripada 'Umar al-Khaṭṭāb r.a bahawa beliau telah mengutuskan surat kepada ketua-ketua tentera muslimin agar mereka tidak mengambil jizyah kecuali kepada orang-orang yang telah berkhatan.¹⁴⁶

Sebagai kesimpulannya terdapat perselisihan pendapat di kalangan para ulama dalam menentukan tanda baligh berdasarkan kepada keadaan seseorang itu sama ada dengan cara bermimpi, genap 15 tahun (*al-Sin*) ataupun tumbuh rerambut pada anggota sulit (*al-Inbāt*)

Ayat seterusnya pula menyatakan tentang *al-Rusyd* yang menjadi syarat pengembalian semula harta anak yatim yang diurus oleh para wali. Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ عَانَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوا

إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ

Maksudnya : Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya

Surah al-Nisā' (3) : 6

¹⁴⁶ *Ibid*

Sa'īd b. Jubayr mentafsirkan perkataan *rusyd* sebagai baik pada agama dan mampu menguruskan harta.¹⁴⁷

Al-Ḥasan dan Qatādah pula mengatakan *rusyd* ialah sihat akal fikiran dan baik kefahaman agamanya.¹⁴⁸

Ibn 'Abbās, al-Suddī dan al-Thawrī berpendapat bahawa *rusyd* bermaksud sihat akal fikiran dan kepandaian dalam menguruskan harta.¹⁴⁹

Imam Mālik pula berpendapat walaupun seseorang sudah baligh namun tidak memiliki *rusyd* maka penguasaan hartanya oleh wali masih tetap diteruskan. Ini disokong oleh pendapat al-Daḥḥāk yang mengatakan bahawa tidak boleh diserahkan harta kepada anak yatim walaupun ia mencecah usia 100 tahun sehingga para wali mengetahui bahawa anak yatim tersebut mempunyai kepandaian dalam menguruskan harta.¹⁵⁰

Imam Muhammad Rasyīd Riḍā pula mengatakan bahawa apabila sudah terkumpul dua syarat iaitu sihat akal fikiran dan kepandaian menguruskan harta maka para wali tidak mempunyai sebab untuk terus melakukan penguasaan terhadap harta anak yatim. Sebaliknya para wali mesti menyerahkan kembali harta

¹⁴⁷ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, h. 188

¹⁴⁸ al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 256, Lihat juga al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, h. 37

¹⁴⁹ *Ibid* (1991)

¹⁵⁰ al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, h. 37

tersebut kepada anak yatim yang berada di bawah jagaannya sekalipun dia derhaka kepada agamanya.¹⁵¹

Abu Ḥanīfah, Zafr dan Nakha'ī pula berpendapat bahawa tidak terhalang seorang yang merdeka dan sudah baligh daripada menerima kembali hartanya jika dia telah dewasa sekalipun dia seorang yang fasik dan amat membazir sekiranya dia seorang yang berakal.¹⁵²

Apabila anak yatim telah mencapai usia baligh dan pandai menguruskan harta maka harta mereka perlu diserahkan kembali. Jika mereka belum pandai menguruskan harta maka para wali perlu terus menguji mereka sehingga nampak *rusyd* pada diri mereka.¹⁵³

Penyerahan kembali harta anak yatim dapat dilakukan jika memenuhi dua syarat yang berikut iaitu kanak-kanak itu mencapai usia baligh dan dia cerdik serta bijak menguruskan harta.¹⁵⁴

Jika salah satu syarat di atas tidak dipenuhi maka penyerahan harta tidak dapat dijalankan. Ini adalah pendapat *Jamā'ah Fuqahā'* kecuali Abū Ḥanīfah,

¹⁵¹ Muhammad Rasyīd Riḍā (1993), *Tafsir al-Manar*, j. 2 Beirut : Dār al-Ma'rifah, h. 388

¹⁵² al-Qurtubī (1987), *op. cit.*, h. 37

¹⁵³ al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 250

¹⁵⁴ *Ibid*

Zafr dan al-Nakhā'ī kerana mereka tidak mensyaratkan *rasyd* dan memadai anak yatim tersebut mencapai usia baligh.¹⁵⁵

Dalam ayat kelima Allah s.w.t. melarang para wali daripada menyerahkan harta anak yatim yang berada di bawah jagaannya selagi belum terbukti kemampuan mereka itu untuk mengurus dan menggunakannya dengan baik.. Larangan ini mungkin disebabkan anak yatim itu masih kecil, tidak siaman (gila) ataupun anak yatim tersebut seorang yang tidak pandai membelanjakan harta disebabkan ada kekurangan pada akal atau dinnya ataupun dia seorang yang muflis.¹⁵⁶

Untuk memastikan bahawa mereka ini benar-benar layak dan berkebolehan dalam menguruskan harta, maka dalam ayat keenam surah al-Nisā', Allah s.w.t. telah menggesa para wali agar menguji anak yatim itu terlebih dahulu sebelum diserahkan segala harta kepada mereka. Ini bertujuan bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan dalam pengurusan harta mereka kelak. Ujian-ujian tersebut boleh dilakukan secara berperingkat sehinggalah mereka menunjukkan prestasi yang baik dalam menguruskan harta.

Al-Ikhtibār pada pendapat Abu Ḥanīfah dan Syāfi'ī dilakukan sebelum baligh manakala pada pendapat Imam Mālik ianya dilakukan selepas baligh.¹⁵⁷

¹⁵⁵ al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, h. 39

¹⁵⁶ al-Zuhaylī (1991), *op.cit.*, h. 248

¹⁵⁷ *Ibid*, h. 250

Para wali hendaklah memerhati dengan teliti akhlak anak yatim yang berada di bawah jagaannya dan juga mengawasi maksud dan tujuannya. Hasil daripada itu para wali akan dapat mengetahui tahap kecerdikannya. Jika para wali mendapati ada kebaikan pada akalnya maka harta mereka boleh diserahkan kembali agar mereka dapat membelanjakannya. Sebaliknya jika para wali mendapati anak yatim di bawah jagaannya itu tidak mampu menguruskan hartanya maka wajib bagi para wali untuk terus menguji anak yatim tersebut sehinggalah mereka memiliki *rusyd*.¹⁵⁸

Seterusnya Allah s.w.t. mengingatkan para wali tentang larangan memakan harta anak yatim di dalam firmanNya:

وَلَا تَأْكُلُوْهَاۤ اِسْرَافًا وَّيَدَارًاۙ اَنْ يَّكْبُرُوْاۙ

Maksudnya : dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa.

Surah al-Nisā' (4) : 6

Daripada ayat di atas dapat difahami bahawa Allah s.w.t. melarang para wali daripada memakan harta anak yatim tanpa hajat yang daruri dengan tujuan untuk membazir dan terburu-buru (*mubādarah*) sebelum anak yatim mencapai usia baligh.¹⁵⁹

¹⁵⁸ al-Qurtubī (1987), *op.cit.*, j.5, h. 34, Lihat juga Rasyid Rida (1993), *op.cit.*, h. 386

¹⁵⁹ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 188

Kalimah *isrāf* bermaksud berlebih-lebihan dan melampaui batas. Oleh sebab itu dalam ayat ini Allah s.w.t. hanya membenarkan para wali yang tidak berkemampuan sahaja menggunakan harta anak yatim sekadar yang diperlukan. Manakala bagi mereka yang berkemampuan untuk menyara kehidupan, mereka tidak dibenarkan sama sekali untuk mengambilnya. Ini adalah pendapat disepakati oleh para ulama.¹⁶⁰

Firman Allah s.w.t :

وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا

فَلْيَسْتَعْفِفْ^ط وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ^ع

Maksudnya : Dan sesiapa di (antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya.

Surah al-Nisā' (4) : 6

Para ulama telah berselisih pendapat mengenai pengembalian semula wang yang telah digunakan oleh para wali sekiranya mereka berkemampuan berbuat demikian.

Sebahagian ulama berhujah berdasarkan satu pendapat daripada Imam Syāfi'ī bahawa penggunaan ini tidak memerlukan jaminan pengembalian semula kerana perkara ini telah diizinkan Allah s.w.t. Ini kerana para wali yang memakan

¹⁶⁰ al-Qurtubi (1987), *op. cit.*, h. 44

upah daripada kerja mereka disebabkan oleh kemiskinan yang ditanggung mereka.¹⁶¹

Manakala menurut sebahagian yang lain diharuskan mengadakan jaminan.

Hujah mereka ini berdasarkan kepada kata-kata Saidina 'Umar :

Maksudnya : "Ketahuilah bahawa aku menempatkan diriku dalam menguruskan harta Allah s.w.t. sebagai seorang wali yang menguruskan harta anak yatim. Bila aku mampu, aku menahan diri, bila aku memerlukan aku makan menurut yang patut dan bila aku memperolehi kelapangan rezeki aku bayarkan kembali apa yang telah aku ambil daripada harta tersebut."¹⁶²

Ini disokong oleh hadis Rasulullah s.a.w.¹⁶³

أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنِّي فَقِيرٌ لَيْسَ لِي شَيْءٌ وَرَبِّي يَتِيمٌ
قَالَ كُلِّ مِنْ مَالِ يَتِيمِكَ غَيْرَ مُسْرِفٍ وَلَا مُبَاذِرٍ وَلَا مُتَأَتِّلٍ

Maksudnya : Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah s.a.w. lalu berkata: Aku seorang yang fakir tidak memiliki apa-apa sedangkan bersama-samaku seorang anak yatim. Baginda s.a.w pun bersabda : Makanlah dari harta anak yatim kamu dengan tidak boros dan tidak membazir dan tidak menjadikannya sebagai modal.

¹⁶¹ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, h. 183

¹⁶² al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, j. 5-6, h. 41-42

¹⁶³ Abū Abd. al-Rahmān Aḥmad bin Syu'ayb (1992), *Sunan al-Nasā'i*, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Mā li al-Waṣī min Māl al-Yatīm idhā Qāma 'alayh, no. hadis 8649, Istanbul: Dār Sahnūn

Seterusnya Allah s.w.t. berfirman :

فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ

أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهَدُوا عَلَيْهِمْ

Maksudnya : Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka.

Surah al-Nisā' (3) : 6

Dalam ayat ini Allah s.w.t. memerintahkan para wali supaya mengadakan saksi semasa penyerahan kembali harta anak yatim apabila mereka telah mencapai usia baligh supaya tidak berlaku penyelewengan ketika berlangsungnya proses penyerahan harta.

Imam al-Syafi'i dan Mālikī berpendapat bahawa wajib diadakan saksi sewaktu penyerahan tersebut. Manakala Imam Abū Hanīfah berpendapat bahawa hukum mengadakan saksi ketika penyerahan harta anak yatim adalah sunat.¹⁶⁴

Imam Muhammad Rasyīd Riḍā pula berpendapat bahawa kehadiran saksi sewaktu penyerahan harta anak yatim adalah satu kemestian. Jika tidak berbuat demikian ia akan membawa kepada perselisihan dan pergaduhan.¹⁶⁵

¹⁶⁴ Muhammad Rasyīd Riḍā (1993), *op. cit.*, j. 5, h. 391

¹⁶⁵ *Ibid*

Seterusnya firman Allah s.w.t.:

وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾

Maksudnya : Dan cukuplah Allah sebagai pengawas (akan segala yang kamu lakukan).

Ayat ini menerangkan bahawa tidak ada saksi yang lebih afdal daripada Allah s.w.t. dalam urusan para wali dengan anak-anak yatim. Dalam ayat ini juga terdapat jaminan pengawasan Allah s.w.t. dalam setiap perkara sama ada kecil ataupun besar. Hanya Allah s.w.t. sahaja yang akan menghisab segala amalan hambaNya sama ada yang terang ataupun yang sembunyi.¹⁶⁶

Sebagai kesimpulannya, ayat di atas menganjurkan para wali agar menguji terlebih dahulu anak yatim yang berada di bawah jagaan mereka. Apabila sudah ada kepandaian mereka dalam menguruskan harta maka para wali hendaklah mengembalikan harta anak yatim yang ada pada mereka. Ayat ini juga menyarankan agar para wali mendatangkan saksi semasa penyerahan tersebut bagi mengelakkan sebarang perselisihan dan pergaduhan. Namun pun begitu Allah s.w.t. menegaskan bahawa hanya Allah sahaja yang akan menghisab segala amalan hambaNya sama ada yang terang ataupun yang tersembunyi.

¹⁶⁶ *Ibid*

2.1.3 Ancaman Terhadap Golongan Yang Memakan Harta Anak Yatim

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا
وَسَيَصْلُونَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

Maksudnya : Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka, dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.

Surah al-Nisā' (4) : 10

***Sabab al-Nuzūl* ayat 10**

Muqātil bin Ḥayyān berkata : Ayat ini diturunkan kepada seorang lelaki daripada kaum Ghaṭafān iaitu Marṭhaḍ bin Zayd di mana dia menjaga harta anak saudaranya yang masih kecil (yatim) lalu beliau memakannya maka turunlah ayat di atas.¹⁶⁷

Ayat ini mengandungi ancaman terhadap orang yang memakan harta anak yatim secara zalim di mana mereka akan dimasukkan ke dalam neraka dan mereka akan dibakar di dalamnya dengan api yang menyala-nyala dan bahan bakarnya adalah terdiri daripada manusia dan batu-batu.¹⁶⁸

Jumhur ulama mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *al-Awṣiyā'* adalah orang-orang yang memakan harta anak yatim yang tidak diharuskan bagi

¹⁶⁷ al-Wāḥidī (1988), *op. cit.*, h. 123

¹⁶⁸ al-Zuḥaylī (1991), *op. cit.*, h. 268

mereka. Ibn Zayd pula berpendapat bahawa ayat ini diturunkan kepada orang kafir yang tidak memberikan harta warisan kepada kaum wanita dan anak yang kecil.¹⁶⁹

Apabila turunnya ayat di atas, para sahabat pun bertanya Rasulullah s.a.w. cara menguruskan harta anak yatim kerana ayat ini mengingatkan mereka agar tidak memakan harta anak yatim. Kesan daripada itu para wali bertindak memisahkan diri mereka daripada anak yatim yang di bawah penjagaan mereka sehinggakan kebajikan mereka terabai dan keadaan itu menyusahkan mereka. Oleh itu mereka terus menyampaikan kepada Rasulullah s.a.w. maka turunlah ayat 220 Surah al-Baqarah.¹⁷⁰

Yang dimaksudkan dengan memakan harta anak yatim ialah segala bentuk manfaat yang dapat diambil daripada harta mereka.

Ayat ini juga mengandungi hukum haram memakan harta anak yatim secara zalim dan ia dianggap sebagai dosa besar. Ini dapat dilihat dalam sabda Rasulullah s.a.w.:¹⁷¹

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْتَنِبُوا
السَّعْيَ الْمَوْبِقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشَّرْكُ بِاللَّهِ وَالسَّحَرُ وَقَتْلُ

¹⁶⁹ al-Qurtubī (1987), *op. cit.*, h. 53

¹⁷⁰ *Ibid*, h. 265

¹⁷¹ Al-Bukhari (1992), *op. cit.*, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Qawl Allah Ta'ala Inna al-Ladhi Ya'kuluna Amwal al-Yatāmā, no hadis 2560.

النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكَلَ الرَّبَا وَأَكَلَ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ
الزَّحْفِ وَقَذَفَ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Maksudnya : Daripada Abu Hurayrah r.a. daripada Nabi s.a.w. bersabda : Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan. Para sahabat bertanya : Apakah dia wahai Rasulullah? Baginda bersabda : Mensyirikkan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan haq, memakan riba, memakan harta anak yatim, melarikan diri pada hari peperangan dan menuduh wanita yang muhsanāt melakukan zina.

Hadis di atas dengan jelas melarang umat Islam daripada memakan harta anak yatim dan menyatakan bahawa ia termasuk dalam perkara yang akan membinasakan seseorang di akhirat kelak.

Daripada ayat ini juga dapat difahami bahawa harus memakan harta anak yatim sekadar yang diperlukan bagi para wali yang fakir.¹⁷²

Firman Allah s.w.t.lagi:

وَيَسْتَلُونَكَ عَنِ الْيَتِيمِ قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ
تَخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ
لَأَعْنَتَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya : Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah : "Memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya," dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada

¹⁷² al-Qurtubi (1987), *op. cit.*, h. 265

salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu (yang seagama); dan Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendaki tentulah Ia memberatkan kamu (dengan mengharamkan bercampur gaul dengan mereka). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Baqarah (2): 220

Sabab al-Nuzūl ayat 220

Menurut riwayat Abū Dāwūd , al-Nasā'ī dan al- Hākīm daripada Ibn 'Abbās apabila turun perintah Allah s.w.t. dalam surah al-An'ām ayat 152 yang berbunyi:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ ط

Maksudnya: Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya) hingga sampai ia dewasa.

Surah al-An 'ām (6) : 152

Dengan erti melarang memakan harta anak yatim kecuali melalui jalan yang terbaik dan kemudian Allah s.w.t. memberitahu di dalam ayat yang lain iaitu ayat 10 Surah al-Nisā' :

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا ط

Maksudnya : Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka.

Surah al-Nisā'(4) : 10

Dengan erti bahawa kalau mereka memakan harta anak yatim secara zalim, seolah-olah mereka memakan habuan api neraka. Maka orang-orang yang ada memelihara anak yatim terus mengasingkan makanan serta minuman mereka. Lebihan dari makanan dan minuman anak yatim itu, mereka simpan untuk dimakan kemudian. Hal yang demikian amatlah memberatkan . Oleh itu mereka terus menyampaikan hal tersebut kepada Rasulullah s.a.w. Maka turunlah ayat di atas.¹⁷³

Ayat 220 yang telah dinyatakan di atas pula memberi kebenaran kepada para wali untuk menguruskan harta anak yatim asalkan mereka mempunyai niat yang baik terhadap anak yatim. Mereka tidak dibenarkan mempunyai niat yang buruk terhadap anak yatim kerana Allah s.w.t. dengan jelas menyatakan bahawa Allah s.w.t. mengetahui segala niat yang tersembunyi di dalam hati hambaNya. Ayat ini memberi ingatan kepada para wali supaya mereka sentiasa berhati-hati di mana Allah s.w.t. akan memberikan ganjaran terhadap segala amalan yang telah mereka lakukan.¹⁷⁴

Ayat ini juga menunjukkan bahawa harus mengendalikan harta anak yatim untuk tujuan kebajikan. Oleh sebab itu adalah harus bagi para wali untuk memperdagangkan harta anak yatim dari sudut jual beli, pelaburan dan sebagainya di mana para wali itu sendiri yang menjadi pelaburnya.¹⁷⁵ Para wali juga

¹⁷³ al-Wāḥidī (1988), *op. cit.*, h. 59

¹⁷⁴ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1993), *op. cit.*, h. 286-289

¹⁷⁵ al-Qurtubī (1987), *op. cit.*, j. 3, h. 63

dibenarkan mencampurkan hartanya dengan harta anak yatim dengan syarat adanya kebaikan dan dia merasai muraqabah Allah s.w.t. di dalam urusannya itu serta jauh daripada segala kerosakan.¹⁷⁶

Allah s.w.t. juga mengingatkan para wali khususnya bahawa Dia mengetahui segala niat yang tersirat di dalam hati seseorang hambaNya. Kerap kali berlaku seseorang itu mengatakan bahawa dia berniat baik memelihara anak yatim tetapi hakikatnya tidak begitu. Sebaliknya dia menganiayai dan menyiksa anak tersebut. Harta-harta mereka disalahgunakan demi kepentingan sendiri. Sesungguhnya mereka mampu membohongi masyarakat, tetapi Allah s.w.t. Maha Mengetahui tujuan mereka sebenarnya.¹⁷⁷

Di penghujung ayat ini Allah s.w.t. mengetahui bahawa Dia tidak suka menyusah dan memberatkan hambaNya. Kalau mahu Dia boleh berbuat begitu, tetapi Dia adalah Tuhan Yang Maha Pengasih. Dia tidak akan membebani seseorang dengan sesuatu kewajipan yang tidak terpicul oleh hambaNya. Dengan lain perkataan, semua tatacara pengurusan harta anak yang dimaklumkan di dalam ayat tadi adalah masih dalam rangka keupayaan dan kemampuan manusia. Sesungguhnya Dialah Tuhan Yang Maha Perkasa lagi Bijaksana.¹⁷⁸

¹⁷⁶ al-Zuhayli (1991), *op. cit.*, h. 287

¹⁷⁷ Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff (1997), *op. cit.*, h.64

¹⁷⁸ *Ibid*

2.1.4 Hak Anak Yatim Dalam Harta Peninggalan

Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah s. w.t . :

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةُ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَأَرْزُقُوهُمْ مِنْهُ
وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٨﴾

Maksudnya : Dan apabila kerabat yang tidak berhak mendapat pusaka, dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya, dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

Surah al-Nisā' (4) : 8

Masyarakat Jahiliyah telah mengharamkan kaum wanita daripada mendapat bahagian mereka dalam harta warisan. Apabila Islam datang ia telah mengharamkan yang demikian itu dan memperuntukkan bahagian yang tertentu bagi kaum wanita.¹⁷⁹

Sa'īd bin Jubayr dan Qatādah menyatakan bahawa orang musyrikin menjadikan harta peninggalan si mati hanya untuk kaum lelaki yang dewasa. Manakala kaum wanita dan kanak-kanak tidak mewarisi sedikitpun daripada harta peninggalan tersebut. Maka Allah s.w.t. pun menurunkan ayat ketujuh Surah al-Nisā' di mana dalam ayat ini Allah s.w.t. menyatakan bahawa semua orang adalah

¹⁷⁹ Ibn Kathir (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 161

sama dalam hukum Allah s.w.t., sama ada dalam harta warisan sekalipun di sana terdapat perbezaan terhadap apa yang telah Allah fardukan kepada mereka.¹⁸⁰

Begitu juga halnya dengan anak yatim sekiranya mereka mempunyai harta yang ditinggalkan oleh ibu bapa atau kaum kerabat mereka, maka mereka mempunyai hak yang sama terhadap harta peninggalan tersebut tanpa ada perbezaan antara lelaki dan perempuan.¹⁸¹

Maksud *al-Qismah* ialah pembahagian harta peninggalan si mati di kalangan para waris. Dalam ayat di atas, Allah s.w.t. menerangkan bahawa jika ada orang yang tidak berhak mendapat harta warisan hadir sama semasa diadakan pembahagian harta peninggalan tersebut,¹⁸² maka mereka hendaklah dimuliakan dan tidak diharamkan untuk mendapat sedikit daripada harta sekiranya harta peninggalan itu banyak dan memohon maaf daripada mereka sekiranya harta peninggalan itu sedikit.¹⁸³

Ibn ‘Abbās dan Sa‘īd bin Jubayr berpendapat bahawa ayat ini *muḥkamah* dan tidak *mansūkh*. Arahan supaya memberikan kepada mereka itu mengandungi hukum wajib berdasarkan zahir ayat.¹⁸⁴

¹⁸⁰ *Ibid*

¹⁸¹ *Ibid*

¹⁸² Golongan yang tidak berhak adalah kaum kerabat, anak yatim dan orang miskin

¹⁸³ al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, j.5, h. 48

¹⁸⁴ al-Zuhayli (1991), *op. cit.*, j. 4, h. 263

Manakala Sa'īd bin Musayyib, al-Dahhāk dan Ibn 'Abbās berpendapat bahawa ayat ini telah *dimansūkhkan* dengan firman Allah s.w.t.:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِ كَرِ مِثْلَ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ
أَثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ
وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَّمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ
وَوَرِثَهُتْ أَبَوَاهُ فَلِلأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِلأُمِّهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ
وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ ؕ لِأَبَائِكُمْ وَلِأُمَّتِكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ
نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ إِنْ أَلَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

Maksudnya : Allah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu. Iaitu : Bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan; dan jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan; jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka ia memperoleh separuh harta. Dan untuk dua orang ibu bapa, bagi masing-masingnya seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak; jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ianya diwarisi oleh ibu bapanya sahaja, maka ibunya mendapat sepertiga; jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat seperenam. (Pembahagian-pembahagian tersebut di atas) sesudah dipenuhi wasiat yang ia buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. (Tentang) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat (banyak) manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Nisā' (4) : 11

Ayat di atas menyatakan bahawa setiap orang mempunyai bahagian yang tertentu terhadap harta yang ditinggalkan oleh ibu bapa dan kaum kerabat.¹⁸⁵

¹⁸⁵ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 162

Daripada kenyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa Islam amat menjaga agar anak yatim dilayan dengan sebaiknya. Sekiranya harta peninggalan itu berlebihan dan semasa pembahagian itu anak yatim hadir sama maka Islam menyuruh agar diberikan sedikit daripada harta tersebut kepada anak yatim sebaliknya jika harta itu tersebut sedikit maka Islam menganjurkan agar berkata baik kepada anak yatim dan menjauhi daripada perkataan yang dapat mengguris perasaan mereka.

2.2 Ayat-ayat Yang Berkaitan Dengan Anak Yatim Perempuan

2.2.1 Mengahwini Anak Yatim Dengan Tujuan Menguasai Hartanya

Ayat yang berkaitan dengan mengahwini anak yatim perempuan dengan tujuan menguasai hartanya terkandung dalam firman Allah s.w.t. :

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ وَمَا يُثْلَى عَلَيْكُمْ فِي
 الْكِتَابِ فِي يَتِمَى النِّسَاءِ الَّتِي لَا تُوْتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرْغَبُونَ أَنْ
 تَنْكِحُوهُنَّ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ مِنَ الْوِلْدَانِ وَأَنْ تَقُومُوا لِلْيَتَمَى بِالْقِسْطِ
 وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِهِ عَلِيمًا ﴿٢٧﴾

Maksudnya : Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad), mengenai hak dan (kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu : "Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka dan juga (ada difatwakan dalam) apa yang selalu dibacakan kepada kamu di dalam kitab (al-Quran) ini mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi kepadanya apa yang telah ditetapkan menjadi hak mereka, dan yang kamu suka berkahwin dengan mereka; dan juga mengenai anak-anak yang lemah (yang masih kecil lagi). Dan (kamu juga diwajibkan) supaya menguruskan (hak dan keperluan) anak-anak yatim dengan adil. Dan

(ingatlah) apa jua kebaikan yang kamu lakukan (kepada mereka) maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya."

Surah al-Nisā' (4) : 127

Sabab al-Nuzūl Ayat

Daripada 'A'isyah r.a. berkata : Umat Islam meminta fatwa kepada Rasulullah s.a.w. maka turunlah ayat di atas. Ayat ini mempunyai perkaitan dengan ayat 3 Surah al-Nisā' di mana pada permulaan surah ini Allah s.w.t. menyatakan tentang hukum bermuamalah dengan wanita yatim dalam harta warisan, penyerahan harta anak yatim dan larangan untuk mengahwini anak yatim perempuan dengan tujuan untuk menguasai hartanya. Ini adalah kerana adat yang buruk telah berlaku pada zaman Jahiliyah di mana para wali tidak memberikan bahagian mereka (anak yatim perempuan) dalam *mirāth*. Selain itu para wali juga mempunyai keinginan untuk mengahwini anak yatim perempuan yang cantik dengan tujuan untuk menguasai hartanya. Sebaliknya jika anak yatim itu hodoh, mereka benci untuk memperisterikannya.¹⁸⁶

Dalam hal ini 'Umar al-Khaṭṭāb akan melihat kepada dua sudut apabila wali anak yatim datang kepadanya. Jika anak yatim itu cantik dan kaya maka para wali hendaklah mengahwininya dengan orang lain. Sekiranya anak yatim itu hodoh dan tidak memiliki harta hendaklah para wali sendiri yang berkahwin dengannya. Ini adalah kerana Sayyidina 'Umar mengetahui bahawa terdapat di kalangan para wali yang mengahwini anak yatim perempuan dengan tujuan untuk

¹⁸⁶ al-Wāḥidī (1988), *op. cit.*, h. 156

menguasai harta mereka jika mereka cantik dan kaya. Jika anak yatim itu hodoh mereka akan menghalangnya daripada mengahwini dengan mana-mana lelaki. Apabila dia meninggal dunia mereka akan menguasai hartanya.¹⁸⁷

Selain itu, pada zaman Jahiliah juga anak-anak kecil dan wanita juga tidak mempunyai bahagian dalam harta warisan. Oleh sebab itu Allah s.w.t. memerintahkan agar mereka bergaul secara adil dengan anak yatim serta mengambil berat tentang keadaan mereka. Ayat ini menganjurkan umat Islam supaya memenuhi hak-hak anak yatim dan tidak membiarkan mereka dizalimi. Ayat ini diakhiri dengan pernyataan bahawa Allah s.w.t. Maha Mengetahui segala kebaikan yang dilakukan terhadap anak yatim, golongan yang lemah dan wanita tidak kira sama ada kebaikan yang dilakukan itu sedikit ataupun banyak. Allah s.w.t. akan memberi ganjaran yang berlipat ganda terhadap mereka yang melakukan kebaikan tersebut.¹⁸⁸

2.2.2 Poligami Menurut Perspektif al-Quran

Firman Allah s.w.t.:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ
مَنْشَىٰ وَثَلَاثَ وَرُبْعَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُكُمْ ذَٰلِكَ أَذْنَىٰ ۖ أَلَّا تَعْلَمُوا ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya : Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan

¹⁸⁷ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, h. 276-277

¹⁸⁸ al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 294

mereka), maka berkahwinlah (dengan) sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Surah al-Nisā' (4) : 3

Sabab al-Nuzūl ayat 3

Diriwayatkan Imam Bukhāri, Muslim, al-Nasā'i dan al-Bayhaqī ayat ini diturunkan sebagai satu jawapan 'A'isyah terhadap pertanyaan 'Urwah bin al-Zubāyr apabila beliau telah bertanyakan ibu saudaranya iaitu 'A'isyah *Um al-Mu'minīn* r.a tentang firman Allah s.w.t.:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ

Maksudnya : Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka)

Surah al-Nisā' (4) : 3

'A'isyah menjawab : “Wahai anak saudaraku, ayat ini mengenai anak-anak perempuan yatim yang di dalam penjagaan walinya, di mana hartanya telah bercampur dengan harta walinya. Si wali tertarik kepada harta dan kecantikan anak perempuan yatim itu dengan maksud dia hendak menikahnya tetapi tidak mahu membayar mas kahwin secara adil sebagaimana pembayaran mas kahwin kepada perempuan lain. Oleh kerana sifatnya yang tidak jujur ini, maka dia dilarang melangsungkan perkahwinan dengan anak itu kecuali jika dia membayar

mas kahwin itu secara adil dan diberikan kepada perempuan itu menurut yang sepatutnya. Dan daripada niat buruknya itu dia dianjurkan agar lebih baik berkahwin dengan perempuan-perempuan lain.¹⁸⁹

Dalam ayat ini, Allah s.w.t. menerangkan kepada kita bahawa jika penjaga anak yatim berasa khuatir untuk memakan harta anak yatim maka jauhilah daripada mengahwini mereka. Ayat ini juga memerintahkan lelaki yang memelihara anak yatim perempuan dan ingin mengahwininya, tetapi takut tidak dapat memberikan mas kahwin yang lazim diberikan kepada perempuan lain, agar mencari perempuan yang lain. Dalam hal ini Allah s.w.t. tidak mempersempitkannya malah Allah s.w.t. memperkenankan kepadanya untuk mengahwini dua, tiga atau empat orang perempuan dalam satu masa. Kalau tidak dapat berlaku adil lebih baik seorang sahaja.¹⁹⁰

Dalam ayat ini juga Allah s.w.t. menjelaskan mengenai hukum poligami di mana ia merupakan satu tuntutan hidup bagi masyarakat Jahiliyah namun begitu tuntutan mereka berbeza dengan apa yang dibawa oleh Islam kerana tujuan mereka berpoligami adalah semata-mata untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu. Poligami dalam Islam mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Antaranya ialah untuk melindungi wanita-wanita dan lelaki daripada terjerumus ke lembah kehinaan. Walaupun Allah s.w.t. membenarkan poligami tetapi jika takut tidak berlaku adil maka berkahwin seorang sahaja adalah lebih baik. Keadilan yang dimaksudkan di sini adalah dalam memberikan perbelanjaan dan giliran. Adapun

¹⁸⁹ al-Wāḥidī (1988), *op. cit.*, h. 121, Liḥāṭ jūgā : al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, h. 11

¹⁹⁰ *Ibid* (1987), j.3, h. 182, Lihat juga Muhammad Rasyīd Riḍā (1993), *op. cit.*, j.4, h. 345

perkara yang di luar batasan kemampuan dan kesanggupan tidak dianggap berdosa seperti dalam masalah kasih sayang antara suami dan isteri-isterinya.¹⁹¹

Mengenai hukum poligami dalam Islam seseorang itu tidak boleh beristeri lebih daripada empat orang. Pendapat ini telah menjadi ijmak para ulama.¹⁹² Sesiapa yang berpendapat boleh berkahwin lebih daripada empat orang isteri adalah salah dan bercanggah dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan daripada al-Hārith bin Qāys, Musaddad bin ‘Umayrah :¹⁹³

وَقَالَ وَهَبُ الْأَسَدِيِّ أَسْلَمْتُ وَعَتِدِي ثَمَانُ نِسْوَةٍ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اخْتَرِ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا

Maksudnya : Dan Wahb al-Asadi berkata : Ketika aku masuk Islam aku mempunyai lapan orang isteri, lalu aku memberitahu Rasulullah s.a.w. tentang perkara tersebut lalu Baginda bersabda kepadaku dengan menyuruhku aku memilih empat daripadanya.

Daripada kenyataan di atas terdapat beberapa hukum yang dapat diambil daripada ayat dua dan tiga surah al-Nisā' iaitu :

- i) Wajib beriltizam dengan keadilan dalam semua perkara sama ada dalam menguruskan harta anak yatim atau dalam mengahwini anak yatim perempuan. Begitu juga dalam berpoligami dengan wanita yang

¹⁹¹ Dr. Muhammad al-Bahī (1980), *al-Tafsīr al-Mawdū'ī al-Quran al-Karīm : Tafsīr Sūrah al-Nisā'*, Kaherah : Maktabah Wahbah, h. 16-17. Lihat juga al-Zuhaylī, *op. cit.*, h.235

¹⁹² al-Qurtubī (1987), *op. cit.*, h. 17

¹⁹³ Abū Dāwūd (1992), *op. cit.*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb fī Man Aslama wa 'indahū Nisā' Akthar min Arba' aw Ukhtānī , no. hadis 1914

bukan yatim. Jelasnya sifat adil adalah menjadi teras dalam kehidupan manusia.

- ii) Imam Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa harus mengahwini anak yatim yang belum baligh kerana selepas baligh seseorang itu tidak dianggap yatim lagi. Manakala Imam Mālik, Syāfi'ī dan jumhur ulama mengatakan bahawa tidak harus mengahwini anak yatim sehinggalah mereka baligh dan boleh diminta izin daripadanya untuk berkahwin. Penggunaan kalimah *nisa'* adalah merujuk kepada wanita dewasa, oleh itu maksud *yatama al-Nisa'* adalah kaum wanita dari kalangan anak yatim.
- iii) Islam mengharuskan poligami dan seseorang itu dibenarkan mengahwini tidak lebih daripada empat orang wanita dalam satu-satu masa.
- iv) Mahar merupakan satu kewajipan daripada pihak suami kepada isterinya.
- v) Seseorang itu hanya dibenarkan memiliki seorang isteri sahaja jika dikhuatiri pihak suami tidak dapat berlaku adil.¹⁹⁴

Rasulullah s.a.w. tidak mengahwini sembilan orang isterinya atas dasar syahwat dan seks. Malah baginda hanya berkahwin seorang sahaja dengan Khadijah sehinggalah kewafatannya pada usia 54 tahun. Selepas kewafatan Khadijah barulah Rasulullah s.a.w. mengahwini wanita lain yang kebanyakannya adalah janda.¹⁹⁵

¹⁹⁴ al-Zuhaylī (1991), *op.cit.*, j. 4 h.236

¹⁹⁵ *Ibid*, h. 244

Tujuan utama Rasulullah s.a.w. berpoligami adalah untuk tujuan kemanusiaan dan kepentingan Islam sendiri. Antara sebab perkahwinan baginda adalah untuk membatalkan adat mengambil anak angkat di mana Allah s.w.t. telah mengahwinkan baginda dengan Zaynab bint Jahsy yang mana Zaynab sebelum itu adalah isteri kepada Zayd bin Hārithah di mana Zayd merupakan anak angkat Rasulullah s.a.w.¹⁹⁶

Selain itu baginda berkahwin dengan wanita yang kematian suaminya disebabkan hijrah dan *jihad fi Sabilillah*. Ini berlaku pada Zaynab bint Khuzaymah (Ummu Masākin) sebagai ganti kepada suaminya yang syahid dalam peperangan Uhud.

Kadang-kadang baginda berkahwin untuk menguatkan hubungan sesuatu kabilah dengan Islam dan meyebarkan dakwah sepertimana yang berlaku pada perkahwinan baginda dengan Juwayriyyah bint al-Hārith yang akhirnya perkahwinan itu menjadi sebab pengislaman Bani Muṣṭaliq.

Begitu juga dengan perkahwinan baginda dengan Ummu Salamah. Ia adalah sebagai ganti dengan kematian suaminya Abū Salamah.

Manakala perkahwinan baginda dengan Ummu Ḥabībah (Ramlah bint Abū Sufyan Ibn Ḥarb) adalah untuk menjinakkan hati kaumnya untuk menerima Islam selepas Ummu Ummu Ḥabībah berhijrah dengan suaminya ‘Ubaidillah ibn Jahsy

¹⁹⁶ *Ibid*

ke Habsyah untuk kali kedua dan suaminya murtad (menjadi Nasrani) manakala Ummu Ḥabībah kekal dalam Islam.¹⁹⁷

Selain itu perkahwinan baginda dengan Ṣufiyyah bint Ḥuyyay adalah kerana beliau telah dibebaskan daripada menjadi tawanan manakala perkahwinan baginda dengan Maymunah bint al-Ḥārith al-Hilālīyyah merupakan perkahwinan baginda yang terakhir. Hasil daripada perkahwinan ini semakin menguatkan ikatan kekeluargaan antara Banī Hasyīm dengan Banī Makhzūm.¹⁹⁸

Perkahwinan baginda dengan Sawdah bint Zam'ah adalah untuk menggantikan suaminya selepas daripada hijrah ke Habsyah untuk kali yang kedua. Jika beliau kembali kepada keluarganya beliau akan disiksa dan difitnah tentang agamanya.

Manakala perkahwinan baginda dengan 'A'isyah dan Ḥafṣah adalah untuk memuliakan dua orang sahabat baginda Abū Bakr r.a. dan 'Uthman r.a.¹⁹⁹

Sebagai kesimpulannya Islam amat menjaga kebajikan anak yatim perempuan dan menganjurkan supaya lebih baik bagi seseorang lelaki yang ingin mengahwini anak yatim dengan tujuan untuk menguasai hartanya adalah lebih baik baginya mengahwini wanita lain sama ada dua, atau tiga atau empat dengan syarat mereka mampu untuk berlaku adil. Jika tidak maka memadailah bagi mereka untuk berkahwin dengan seorang wanita sahaja.

¹⁹⁷ *Ibid*, h. 245

¹⁹⁸ *Ibid*

¹⁹⁹ *Ibid*

2.2.3 Kewajipan Memberikan Mahar

Untuk menguatkan lagi ikatan antara suami isteri Allah s.w.t. telah memerintahkan supaya memberikan mahar (mas kahwin) kepada perempuan yang telah dikahwini sebagai tanda kasih sayang yang terjalin antara kedua belah pihak. Ini ditegaskan oleh Allah s.w.t. dalam firman Allah s.w.t. :

وَأَنْتُمْ أَلَيْسَاءَ صَدَقْتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَرِّهِ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ

هَٰذَا مَرِيئًا ﴿٤﴾

Maksudnya : Berikanlah mas kahwin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian dari mas kahwin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambillah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya.

Surah al-Nisā' (4) : 4

Mahar merupakan satu pemberian yang wajib daripada suami kepada isterinya sama ada dalam bentuk wang ataupun harta benda. Pemberian ini adalah bertujuan untuk menggembarakan hati isteri yang akan berkhidmat untuk suaminya di samping akan mengeratkan lagi hubungan antara keduanya. Mahar itu menjadi milik isteri dan suami tidak boleh mengambilnya melainkan dengan kebenaran daripada isterinya terlebih dahulu.²⁰⁰

²⁰⁰ Dr. Abd al-Karim Zaydan (1993), *op. cit.*, j. 7, h.48

2.3 Ayat-ayat Yang Berkaitan Infak Harta Kepada Anak Yatim

Ayat yang memperkatakan tentang infak ini terdapat dalam firman Allah s.w.t. :

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُ مِنْ خَيْرٍ فَلِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ

عَلِيمٌ

Maksudnya : Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada kedua dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).

Surah al-Baqarah (2) : 215

Sabab al-Nuzūl Ayat

Ibn ‘Abbās berkata bahawa ayat ini diturunkan kepada ‘Amrū bin al-Jumūh al-Anṣārī yang merupakan seorang lelaki tua yang memiliki banyak harta. Beliau berkata : Wahai Rasulullah : Dengan apakah hendak bersedekah dan kepada siapakah diberikan infak? Lalu turunlah ayat di atas.²⁰¹

Dalam riwayat ‘Aṭā’ pula mengatakan bahawa ayat ini diturunkan kepada seorang lelaki yang datang kepada Nabi s.a.w. lalu berkata : Aku mempunyai satu

²⁰¹ al-Wāḥidī (1988), *op. cit.*, h. 55

dinar, baginda bersabda : Infakkanlah kepada dirimu sendiri. Kemudian lelaki itu berkata lagi : Aku memiliki dua dinar, beginda pun bersabda : Infakkanlah dua dinar itu kepada ahli engkau. Kemudian lelaki itu berkata lagi : Aku mempunyai tiga dinar, lalu baginda menjawab : Infakkanlah kepada khadam engkau. Lelaki itu berkata lagi : Aku mempunyai empat dinar, baginda mengatakan : Infakkanlah kepada kedua ibu bapamu. Lelaki itu berkata lagi : aku memiliki lima dinar, bagindapun berkata : Infakkanlah kepada kaum kerabat engkau. Kemudian lelaki itu berkata lagi : Aku mempunyai enam dinar, bagindapun bersabda : Infakkanlah *fi Sabīlillāh* dan yang demikian itu paling sedikit ganjarannya.²⁰²

Infak ini amat perlu pada zaman permulaan Islam dan juga pada masa sekarang untuk menjamin wujudnya keseimbangan dalam anggota masyarakat. Ini juga akan menghilangkan rasa rendah diri di kalangan umat Islam.²⁰³

Allah s.w.t. juga menjelaskan tentang sifat infak iaitu orang yang melakukan infak itu adalah baik dan dia hendaklah mencari apa yang paling baik yang ada padanya untuk diinfakkan. Ini adalah kerana infak akan membersihkan hati dan jiwa.²⁰⁴

Sebagai kesimpulannya, infak adalah lebih umum sifatnya daripada zakat. Infak juga boleh dilakukan pada bila-bila masa manakala zakat pula mempunyai syaratnya yang tertentu sebelum seseorang itu mengeluarkan zakat.

²⁰² *Ibid*

²⁰³ Sayyid Qutb (1990), *op. cit.*, j.1, h.221

²⁰⁴ *Ibid*

Golongan Yang Layak Menerima Infak

Seterusnya Allah s.w.t. menyatakan pula tentang golongan yang perlu diberikan infak iaitu kepada kedua dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Kumpulan sasaran ini ada yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan orang yang memberi infak dan ada juga yang mempunyai ikatan rahmah (perasaan belas kasihan) dan ada juga yang mempunyai ikatan kemanusiaan di bawah satu aqidah.

Susunan ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w.:²⁰⁵

أَبْدَأْ بِنَفْسِكَ فَتَصَدَّقْ عَلَيْهَا فَإِنْ فَضَلَ شَيْءٌ فَلِأَهْلِكَ فَإِنْ فَضَلَ شَيْءٌ عَنْ
أَهْلِكَ فَلِذِي قَرَابَتِكَ فَإِنْ فَضَلَ عَنْ ذِي قَرَابَتِكَ شَيْءٌ فَهَكَذَا وَهَكَذَا

Maksudnya : Mulakanlah dengan dirimu maka ia menjadi sedekah kepada dirimu sekiranya terdapat sesuatu yang lebih maka itu adalah untuk ahli keluargamu, jika masih ada yang lebih maka itu adalah untuk kaum kerabatmu, sekiranya masih ada yang lebih maka begini dan begini.

Daripada hadis di atas dapat difahami bahawa Islam amat meraikan fitrah manusia yang cenderung untuk mengutamakan diri sendiri dan orang yang paling hampir dengannya. Justeru Islam menggalakkan infak dimulakan dengan kaum kerabat yang terdekat.

²⁰⁵ Al-Nasa'i (1992), *op. cit.*, Kitāb al-Zakāh, Bāb Ayyu al-Sadaqah Afḍal, no. hadis 2499

2.4 Ayat-ayat Yang Berkaitan Dengan Melakukan Ihsan Terhadap Anak Yatim

Dalam mewujudkan kesatuan masyarakatnya di atas asas taqwa, Islam amat mengambil berat tentang nasib golongan yang lemah. Antaranya ialah dengan membantu golongan yang memerlukan lagi lemah termasuklah anak-anak yatim.²⁰⁶ Ihsan terhadap anak yatim adalah merangkumi ihsan terhadap diri dan harta anak yatim.

Ihsan terhadap diri anak yatim adalah dengan cara menggaulinya secara baik, menunaikan hak-haknya, mendidik dan menjaganya dengan baik, manakala ihsan terhadap harta anak yatim (jika anak yatim tersebut memiliki harta) adalah menguruskannya dengan cara yang paling baik dan adil tanpa sebarang penyelewengan dan menginfakkan harta untuk mereka jika mereka terdiri dari golongan yang miskin.²⁰⁷ Firman Allah s.w.t. :

❖ وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ
بِالْجُنُبِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
مُخْتَلًا فَخُورًا ﴿٢١٧﴾

Maksudnya : Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu mempersekutukannya dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan

²⁰⁶ Dr. Inās Ibrāhīm (1985), *op. cit.*, h. 371-372

²⁰⁷ *Ibid.* h. 373

rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba sahaya yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membanggakan diri.

Surah al-Nisā' (4) : 36

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menggandingkan ayat berbuat baik kepada ibu bapa dengan ayat menyembah dan mentauhidkan Allah s.w.t. dan juga pada banyak tempat yang lain di dalam al-Quran.²⁰⁸ Maksud berbuat baik kepada ibu bapa adalah mentaati keduanya dalam perkara makruf dan melaksanakan tanggungjawab terhadap ibu bapa, berusaha untuk mencapai kehendak mereka dan sentiasa mendoakan keampunan buat mereka berdua.²⁰⁹

Kemudian Allah s.w.t. juga memerintahkan supaya berbuat baik kepada kaum kerabat dengan bersifat ihsan terhadap mereka.²¹⁰ Begitu juga arahan supaya berbuat ihsan terhadap anak-anak yatim dengan cara memelihara dan menjaga harta mereka. Perkara ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t. pada permulaan surah al-Nisā' ini. Ini adalah disebabkan anak-anak yatim telah kehilangan bapa yang boleh menjaga kemaslahatan dan juga memberikan nafkah kepada mereka.²¹¹ Seterusnya Allah s.w.t. juga memerintahkan supaya berbuat baik kepada orang-orang miskin dengan cara bersedekah dan mengeluarkan zakat kepada mereka.²¹² Berbuat baik kepada jiran dan kaum kerabat pula ialah dengan

²⁰⁸ Sa'īd Ḥawwā (1990), *al-Asās fī al-Tafsīr*, j.2, Beirut : Dār al-Salām li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 1058

²⁰⁹ *Ibid*

²¹⁰ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 261

²¹¹ *Ibid*

cara membantunya jika dia seorang yang miskin, bergaul dengan cara yang baik dan tidak menyakitinya. Ini dapat dilihat dalam sabda Rasulullah s.a.w..²¹³

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِيَنِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورَثُهُ

Maksudnya : Jibrīl a.s. sentiasa berpesan kepadaku tentang jiran sehingga aku menyangkakan bahawa jiran itu akan mewarisi.

Seterusnya ayat di atas juga menganjurkan supaya berbuat baik kepada *Ibn al-Sabīl* iaitu orang musafir yang terputus bekalan dengan membantunya supaya dia dapat kembali ke negara asal atau mencapai tujuannya. Ini dapat dilakukan dengan memberikannya wang zakat yang mencukupi baginya.²¹⁴ Ayat ini diakhiri dengan saranan supaya melakukan kebaikan terhadap hamba sahaya, ini adalah kerana mereka lemah dan berada di bawah kuasa tuannya.²¹⁵

Firman Allah s.w.t. lagi dalam perkara melakukan ihsan terhadap anak yatim :

فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ

Maksudnya : Adapun terhadap anak yatim maka janganlah kamu berlaku sewenang-wenangnya.

Surah al-Ḍuḥā () : 9

²¹² Sa'īd Ḥawwā (1990), *op. cit.*, h. 1058

²¹³ Al-Bukhārī (1992), *op. cit.*, Kitāb al-Adab, Bāb al-Wuṣāh bi al-Jār, no. hadis 5556

²¹⁴ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, j. 4, h. 109

²¹⁵ Sa'īd Ḥawwā (1990), *op. cit.*, h. 1058

Ayat ini mengingatkan Rasulullah s.a.w. bahawa baginda telah dilindungi oleh Allah s.w.t. semasa yatim, oleh itu baginda diingatkan agar tidak menghina, dan menzalimi anak yatim yang daif. Sebaliknya baginda dikehendaki menunaikan haknya, berbuat ihsan dan berlembut terhadapnya. Dengan yang demikian baginda sentiasa berbuat baik kepada anak yatim dan juga berpesan supaya melakukan ihsan terhadap anak yatim.²¹⁶

Berbuat baik kepada anak yatim juga merupakan salah satu daripada ciri-ciri *al-Birr* yang merupakan sifat orang yang beriman dan bertakwa ²¹⁷ sepertimana firman Allah s.w.t. :

❖ لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ
ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ
عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ
وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا
وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

Maksudnya : Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan

²¹⁶ al-Zuhayli (1991), *op.cit.*, j. 30, h.286

²¹⁷ al-Qurtubi (1987), *op. cit.*, j.2., h. 243

orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan solat, dan menunaikan zakat; dan orang yang menepati janji, dan orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.

Surah al-Baqarah (2) : 177

Melakukan ihsan terhadap anak yatim juga merupakan salah satu sebab golongan *al-Abrār* dimuliakan oleh Allah s.w.t. di akhirat kelak dengan nikmat syurga. Semasa di dunia, mereka telah memberi makanan yang sangat disukai dan diperlukannya kepada orang miskin, anak yatim dan para tawanan perang semata-mata mengharapkan keredaan Allah s.w.t.²¹⁸ Firman Allah s.w.t. :

وَيُطْعَمُونَ الْطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا
وَأَسِيرًا ﴿٨﴾ إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكْرًا

Maksudnya : Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan. Sesungguhnya kami memberi makanan kepadamu hanyalah untuk mengharapkan keredaan Allah, kami tidak menghendaki balasan dari kamu dan tidak pula ucapan terima kasih.

Surah al-Insān (76) : 8

Termasuk juga dalam ihsan terhadap anak yatim ialah bergaul dengan mereka secara baik, bersikap lembut dan penyayang terhadap mereka, mengambil berat untuk mendidik mereka dengan adab-adab Islam dan menjauhkan mereka daripada sebarang kejahatan.²¹⁹ Firman Allah s.w.t.

²¹⁸ al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 29, h. 289

²¹⁹ Dr. Inās Ibrāhīm (1985), *op. cit.*, h. 372

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ
تَخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ
لَاَعْتَكُمُ إِنْ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٢٠﴾

Maksudnya : Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakanlah : “Mengurus urusan mereka secara patut adalah baik, dan jika kamu menggauli mereka, maka mereka adalah saudaramu dan Allah mengetahui siapa yang membuat kerosakan dari yang mengadakan perbaikan. Dan jikalau Allah menghendaki, nescaya Dia dapat mendatangkan kesulitan kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Baqarah (2) : 220

Manakala perkara yang berkaitan dengan ihsan terhadap harta anak yatim pula adalah berdasarkan firman Allah s.w.t. ;

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا
بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا ﴿٢٢١﴾

Maksudnya : Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih baik (bermanfaat) sampai ia dewasa dan penuhilah janji; sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungjawabnya.

Surah al-Isrā’ (17) : 34

Ayat di atas mengandungi larangan daripada menghampiri harta anak yatim kecuali dengan cara yang lebih baik. Ini kerana setiap anggota masyarakat adalah bertanggungjawab dalam urusan anak yatim dan harta mereka.

Melindungi harta anak yatim merupakan satu janji yang mesti dipenuhi dan ia akan dipersoalkan di hadapan Allah s.w.t. di akhirat kelak sama ada ia telah menyempurnakan janjinya atau sebaliknya.²²⁰

Sebagai kesimpulannya anak yatim merupakan salah seorang daripada kelompok manusia yang Allah s.w.t. perintah supaya setiap orang berlaku ihsan terhadap diri dan hartanya. Segala bentuk penindasan terhadap anak yatim adalah terkeluar daripada ajaran Islam malah dikira berdosa bagi mereka yang mengherdik anak yatim.

2.5 Ayat-ayat Yang Berkaitan Dengan Memuliakan Anak Yatim

Allah s.w.t. Melindungi Rasulullah s.a.w. Yang Dilahirkan Yatim

Junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan dalam keadaan yatim di mana bapa baginda meninggal dunia semasa baginda masih dalam kandungan ibu. Hal ini ditegaskan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya:

أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ ۝١

Maksudnya : Bukankah Ia mendapati engkau yatim piatu, lalu Ia memberikan perlindungan?

Surah al-Duḥā (93) : 6

²²⁰ Sayyid Qutb (1990) *op. cit.*, j. 4, h. 2227

Sabab al-Nuzūl Ayat

Daripada Saïd bin Jubayr, Ibn ‘Abbās berkata : Rasulullah s.a.w. bersabda : “Aku telah bertanya kepada Tuhanku beberapa soalan dan aku berharap agar aku tidak bertanyakannya. Aku berkata : “Wahai Tuhanku, sesungguhnya para anbia sebelumku di kalangan mereka ada yang Engkau telah tundukkan angin kepada mereka – baginda mengatakan Sulaymān bin Dāwūd -, ada juga yang boleh menghidupkan orang mati – baginda mengatakan Isa bin Maryam-, dan mereka yang lain-lain lagi.” Lalu Allah s.w.t. pun berfirman kepadaku : “Bukankah Aku mendapati engkau yatim piatu, Akulah yang memberikan perlindungan?” Aku menjawab : “Bahkan.”²²²

Dalam ayat di atas juga Allah menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah dilahirkan dalam keadaan yatim lalu Allah s.w.t. melindungi baginda dan manusia bersikap lembut terhadap baginda termasuk Abū Ṭālib di mana Abū Ṭālib tidak menerima seruan Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.²²³

Sejak kecil lagi Rasulullah s.a.w. tidak mendapat kasih seorang bapa, akan tetapi Allah s.w.t. tidak membiarkan baginda keseorangan. Allah s.w.t. telah menyediakan orang yang akan memelihara baginda di mana selepas ibunya meninggal dunia baginda telah dipelihara oleh datuknya ‘Abd al-Muṭālib dan datuknya telah melayan baginda dengan sebaik mungkin setelah umur baginda mencecah lapan tahun datuknya meninggal, kemudian baginda dijaga oleh bapa saudara baginda Abū Ṭālib sehinggalah baginda meningkat remaja dan mampu


²²² al-Wāḥidī (1988), *op. cit.*, h. 372

²²³ Sayyid Qutb (1990), *op. cit.*, j.6, h. 3927

berusaha sendiri dan bersedia untuk memikul risalah menyampaikan Islam kepada umat manusia.²²⁴

Larangan Melakukan Sewenang-wenangnya Terhadap Anak Yatim

Keyatiman yang menimpa seseorang bukanlah menjejaskan darjatnya dalam masyarakat. Justeru itu Allah s.w.t. mengingatkan manusia melalui firmanNya :



Maksudnya : Oleh itu, adapun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya .

Surah al-Duhā (93) : 9

Ayat ini mengandungi arahan supaya memuliakan anak yatim dan larangan daripada menyakitinya serta melakukan sesuatu perkara yang boleh menyinggung perasaannya. Ini adalah disebabkan oleh masyarakat Jahiliah tidak menjaga hak-hak golongan yang 'daif yang tidak memiliki kemampuan untuk melindungi dirinya sendiri. Islam datang dan menolak *bi'ah* yang tidak baik ini dan menggantikannya dengan kebenaran dan keadilan.²²⁵

²²⁴ Ibrāhīm Muhammad Khalīl *et. al* (1994), *op. cit.*, h. 1

²²⁵ Sayyid Qutb (1990), *op. cit.*, h.3928

Orang-orang Yang Mengherdik Anak Yatim Adalah Pendusta Agama

Ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t. melalui firmanNya :

فَذٰلِكَ الَّذِيْ يَدْعُ الْيَتِيْمَ

Maksudnya : Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim.

Surah al-Mā'ūn (107) : 2

Sabab al-Nuzūl Ayat

Ibn Jurayj berkata bahawa Abū Sufyan bin Ḥarb akan mengorbankan dua ekor unta pada setiap minggu. Ketika itu juga datang anak yatim untuk meminta sedikit daripada binatang yang telah dikorban itu, lalu beliau mengherdik mereka . Maka turunlah ayat 1-2 surah di atas.²²⁶

Ibn Kathīr mentafsirkan ayat di atas dengan maksud orang yang menindas dan berlaku zalim kepada anak yatim serta tidak memberi makan kepada mereka dan tidak berbuat baik terhadap mereka.²²⁷

Daripada kenyataan di atas jelaslah bahawa orang yang menzalimi anak yatim dan tidak memberikan hak mereka adalah termasuk dalam golongan yang mendustai agama. Di antara sifat lain orang yang mendustai agama ialah orang yang tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh

²²⁶ al-Wāḥidī (1988), *op. cit.*, h. 377

²²⁷ Ibn Kathīr (1971), *op. cit.*, j. 8, h. 514

orang miskin, orang yang lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya, orang yang berkeadaan riak dalam ibadah dan juga orang yang tidak memberi sedikit pertolongan kepada orang yang berhak mendapatnya.²²⁸

Kesimpulan

Daripada huraian tentang ayat-ayat yang berkaitan dengan anak yatim, dapatlah dirumuskan bahawa sememangnya al-Quran memberi perhatian yang amat berat terhadap anak yatim. Pengurusan anak yatim yang digariskan oleh al-Quran mencakupi pengurusan harta anak yatim, pengurusan anak yatim perempuan, arahan supaya menginfakkan harta, berlaku ihsan terhadap anak yatim dan memuliakan mereka.

Ini bertujuan agar anak yatim itu akan mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada umat Islam. Ketiadaan bapa yang menguruskan mereka akan mendedahkan mereka kepada berbagai gejala sosial yang tidak sihat dan masyarakat juga yang akan menerima impaknya.

Anak yatim mendapat perhatian di dalam al-Quran setelah berlakunya banyak peperangan yang menyebabkan ramainya para *syuhadā'* yang gugur di medan perang. Keadaan ini menyebabkan baginda amat bersimpati terhadap keluarga yang terbabit. Justeru itu baginda sendiri memuliakan anak yatim dan menganjurkan umatnya supaya berbuat demikian agar akan wujud masyarakat yang penyayang dan mengambil berat antara satu sama lain.

²²⁸ Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (1983), *op. cit.*, h. 1439